

**Ekonomi Patut Amal Teknologi Grid Pintar, Kata Pakar
Bernama
19 Mei, 2012**

SINGAPURA, 18 Mei (Bernama) -- Ekonomi yang mahu mengamalkan teknologi grid pintar perlu menggunakan standard antarabangsa dengan lebih bijak dan tidak menyebabkan lebih banyak sekatan teknikal dalam perdagangan, kata pakar.

Dalam satu bengkel APEC yang diadakan sempena Forum Dunia Mengenai Kawal Atur Tenaga di bandaraya Quebec, Canada, APEC mengiktiraf pengamalan grid pintar sebagai satu langkah untuk menangani perubahan cuaca, meningkatkan keberkesanan tenaga dan mempromosikan pertumbuhan hijau.

"Komuniti pengawal atur memainkan peranan penting dalam pelaburan dan pengamalan grid pintar," kata Dr George Arnold, pengerusi bersama dan penyelarass kebangsaan untuk kebolehsalingoperasian di Intitut Standard dan Teknologi Kebangsaan di Amerika Syarikat.

Menggalakkan ketelusan dan kerjasama global dalam pembangunan standard kebolehsalingoperasian grid pintar telah dikenalpasti sebagai isu utama oleh menteri-menteri APEC tahun lepas.

Hasil bengkel dijangka disahkan oleh Jawatankuasa Dagangan dan Pelaburan dan akan dibentangkan kepada menteri-menteri tenaga APEC pada mesyuarat mereka di St Petersburg, Rusia pada 24-25 Jun.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667186>